

Ulasan Pengerusi

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Akaun bagi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.



Penyenaraian Di BSKL

Tahun 2001 merupakan tahun yang amat bermakna bagi kita semua di Pelabuhan Bintulu dengan berjayanya Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 16 April 2001. Setakat ini, Bintulu Port Sdn. Bhd. (BPSB) merupakan anak syarikat tunggal BHB.

Walaupun prestasi pasaran saham agak suram pada tahun 2001, namun saham BHB telah terlebih langganan sebanyak 1.12 kali, menggambarkan keyakinan para pelabur terhadap potensi pertumbuhan Pelabuhan ini. Sehubungan dengan itu, harga saham BHB yang berada pada paras RM2.00 se saham semasa Tawaran Terbitan Awam (IPO) terus kekal stabil dalam julat harga antara RM1.90 ke RM2.18.

Prestasi Kewangan

Dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia, politik tidak menentu dan peperangan di tempat-tempat lain, Kumpulan BHB mampu mencapai keputusan yang lebih baik daripada jangkaan pada tahun semasa.

Prestasi kewangan sebenar menunjukkan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM83.71 juta dengan varians yang positif 6.73%, berbanding unjuran sebanyak RM78.43 juta sepertimana digambarkan dalam Prospektus bertarikh 19 Februari 2001. Kedudukan ini disebabkan prestasi keseluruhan yang baik dan sedikit penurunan dalam perbelanjaan operasi.

Dana Pemegang Saham adalah RM753.38 juta. Pendapatan se saham adalah 22.14 sen dan Harta Ketara Bersih sebanyak RM1.84 se saham.

Dividen

Lembaga Pengarah memperakukan pengagihan dividen akhir pada kadar 10.0 sen se saham, terdiri dari 4.0 sen se saham dikecualikan cukai dan 6.0 sen se saham ditolak cukai pendapatan 28%. Ini akan memerlukan pembayaran sebanyak RM33.28 juta dan jika diluluskan, akan dibayar pada 31 Mei 2002.

Dengan mengambil kira dividen interim sebanyak 5.0 sen se saham ditolak cukai pendapatan 28% berjumlah RM14.40 juta yang telahpun dibayar sebelum ini, jumlah keseluruhan dividen adalah 15.0 sen se saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001. Jumlah keseluruhan melibatkan pembayaran tunai sebanyak RM47.68 juta.

Status Penggunaan Perolehan Dari Tawaran Terbitan Awam

Semenjak Tawaran Terbitan Awam (IPO), Syarikat telah menggunakan sebanyak RM11.16 juta untuk perbelanjaan penyenaraian. Amaun sebanyak RM40.0 juta yang telah diperuntukan bagi Modal Kerja Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad dijangka digunakan sepenuhnya pada penghujung tahun 2002. Status baki penggunaan perolehan adalah seperti di muka surat 19 Laporan Tahunan ini.

Urustadbir Korporat

Lembaga Pengarah berkewajipan untuk memastikan urustadbir korporat yang baik dengan memfokuskan kepada kebertanggungjawapan dan ketelusan korporat. Dalam aspek ini jawatankuasa seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Penamaan telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tugas mereka. Majoriti ahli dalam jawatankuasa ini merupakan Pengarah bebas. Setiap jawatankuasa beroperasi mengikut terma dan panduan yang diluluskan.



Kenyataan mengenai urustadbir korporat boleh didapati di muka surat 22 hingga 24 dalam Laporan Tahunan ini.

Prospek Dan Masa Depan Kumpulan BHB

Prestasi ekonomi Malaysia dalam tahun 2001 telah terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia yang telah dijangka terutama di Amerika Syarikat (AS), di samping prestasi lemah ekonomi Jepun yang berterusan. Serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat telah memburukkan lagi keadaan.

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 3.2% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2002 dengan mengambil kira jangkaan pemulihan ekonomi AS dalam separuh kedua tahun 2002. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang sukar, asas ekonomi makro Malaysia tetap teguh hasil dari pendekatan Kerajaan yang pragmatik dan pengurusan ekonomi yang fleksibel.

Mengikut anggaran Business Monitor International Limited, jumlah nilai ditambah dalam sektor perlombongan dijangka meningkat 3.8% dalam tahun 2002 berbanding dengan 0.8% dalam tahun 2001. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat 2.5% dalam tahun 2002, selepas menurun 0.2%. Pengeluaran gas asli yang menyumbang hampir separuh pendapatan eksport sektor ini dijangka meningkat lebih 10%.

Pelabuhan ini terletak di lokasi strategik berhampiran dengan laluan utama di antara Timur Jauh dengan Eropah dan mempunyai kelebihan teknikal dari segi kemudahan untuk menampung aktiviti ekonomi pedalaman. LNG merupakan penyumbang utama kendalian kargo di Pelabuhan Bintulu sejak 1993. Kumpulan BHB mengendalikan lebih kurang 15.5 juta tan kargo LNG dari loji MLNG dan MLNG Dua setiap tahun, iaitu 60% daripada jumlah keseluruhan kendalian kargo. Dengan bermulanya operasi MLNG Tiga pada tahun 2003, Kumpulan BHB dijangka mengendali tambahan 6.8 juta tan LNG setahun apabila ia mencapai pengeluaran maksimum.

Baru-baru ini MLNG Tiga telah menandatangani perjanjian jual beli dengan konsortium Jepun untuk membekal sehingga 1.6 juta tan gas asli cecair setahun bagi tempoh dua puluh (20) tahun bermula April 2004.

Dalam senario perkapalan global masa kini terdapat peralihan ketara corak pengangkutan dan logistik ke arah penggunaan kontena. Kekerapan singgahan Operator Perkapalan Utama (MLO) dan perkhidmatan rangkaian kapal persisir akan menyumbang kepada pertumbuhan ketara kendalian kontena di Pelabuhan Bintulu. Kumpulan BHB juga sedang berusaha untuk memanfaatkan Bintulu International Container Terminal (BICT) sebagai pusat singgahan bagi BIMP-EAGA.

Dengan asas perniagaan Kumpulan BHB yang kukuh, kami yakin Kumpulan BHB mampu memberi pulangan pelaburan yang munasabah kepada pemegang-pemegang saham.

Penghargaan

Kejayaan Bintulu Port Holdings Berhad disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur serta prestasinya yang baik tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan berterusan pelanggan-pelanggan, rakan perniagaan, bank-bank dan badan-badan kerajaan berkaitan. Kami ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka dan semoga sokongan dan keyakinan tersebut dapat diteruskan lagi di masa depan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad dan Bintulu Port Sdn. Bhd., pengurusan serta kakitangan atas dedikasi dan komitmen mereka. Pencapaian cemerlang kita adalah hasil kerja keras dan sumbangan semua pihak.

Bagi pihak Lembaga Pengarah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang saham atas sokongan dan keyakinan anda kepada kami.

Terima kasih.

YBhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali

Pengerusi, Bintulu Port Holdings Berhad

STATUS PENGGUNAAN PEROLEHAN

Pengunaan	Peringkat Penyiapan	Perolehan Digunakan RM'000	Baki Perolehan RM'000	Anggaran Tarikh Penyiapan
Pembinaan Kemudahan Gudang				
Gudang baja pukal	Reka bentuk	-	20,000	Mac 2003
Gudang am untuk produk kayu-kayan	Perancangan	-	10,000	Disember 2002
Kelengkapan/kemudahan tambahan untuk BICT				
Mobile Harbour Cranes	Proses tender	-	16,000	Disember 2002
2 unit Rubber-tyred Gantry Cranes	Perancangan	-	12,000	Disember 2003
Container freight station	Perancangan	-	10,000	Disember 2003
Container stacking yard	Perancangan	-	10,000	Disember 2003
Kapal				
5 unit bot tunda	Penawaran	7,791	63,209	Disember 2002

Chairman's Review

On behalf of the board of directors, it is my pleasure to present the Annual Report and Statement of Accounts for Bintulu Port Holdings Berhad Group, for the financial year ending 31 December 2001.

Listing on KLSE

The year 2001 was indeed a memorable year for all of us at Bintulu Port, as we witnessed the successful listing of Bintulu Port Holdings Berhad (BHB), on 16 April 2001 on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). As of today, Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB) is the sole subsidiary of BHB.

Despite the lacklustre performance of the stock market in 2001, BHB shares were oversubscribed by 1.12 times indicating investors' confidence of the Group's growth potential. At the same time, the share price of BHB, with its Initial Public Offering (IPO) price of RM2.00 per share, managed to remain stable within the price range of RM1.90 to RM2.18.

Financial Performance

Amidst a year of global economic downturn, political uncertainty and war in other parts of the world, the Group achieved a better than expected results during the year under review.

The actual results showed a Profit After Taxation of RM83.71 million, a positive variance of 6.73%, compared to the forecast of RM78.43 million as included in the Prospectus dated 19 February 2001. This is mainly due to the overall good performance and the slight reduction in the operating expenditure.

The Group's Shareholders' Funds stood at RM753.38 million. Earnings Per Share during the year under review is 22.14 sen and Net Tangible Asset stood at RM1.84 per share.



Dividend

The Board of Directors is recommending a final dividend distribution at the rate of 10.0 sen per share of which 4.0 sen will be tax-exempt and 6.0 sen subject to 28% tax. This will require a payment of RM33.28 million and if approved, will be paid on 31 May 2002.

Including the interim dividend of 5.0 sen per share less income tax at 28% amounting to RM14.40 million, which was paid earlier, the total dividend would amount to 15.0 sen per share in respect of the financial year ended 31 December 2001. The total payment will involve a cash pay-out of RM47.68 million.

Status Of The Utilisation Of Proceeds From The Initial Public Offer

Since the Initial Public Offer, the Company has utilised RM11.16 million for the listing expenses. In addition, an amount of RM40.0 million which was set aside for the Working Capital of the Bintulu Port Holdings Berhad Group is anticipated to be fully utilised by year end of 2002. The status of the remaining utilisation proceeds is set out on page 21 of the Annual Report.

Corporate Governance

The Board of Directors is committed to ensuring good corporate governance by focusing on corporate accountability and transparency. The Board also strives to further strengthen public confidence. In this respect, committees such as Audit Committee, Remuneration Committee and Nominating Committee are established to assist the Board in the discharge of its duties. Majority of the members in these Committees are independent directors. Each committee operates under approved terms of reference or guidelines.

The statement on corporate governance can be found on pages 25 to 27 in this Annual Report.



The performance of the Malaysian economy in 2001 has been adversely affected by the expected slowdown in the world economy, particularly in the US, as well as the continuing weak performance of the Japanese economy. The September 11 attack on the US has further aggravated the situation.

Malaysian Institute of Economic Research (MIER) has projected GDP growth of 3.2% in 2002 taking into consideration the expected US economic recovery especially in the second half of 2002. However, despite the adverse external environment, Malaysia's macroeconomic fundamentals remain strong, largely attributable to the Government's pragmatic approach as well as flexible management of the economy.

According to Business Monitor International Limited estimates, total value added in Malaysia's mining sector is set to rise 3.8% in 2002, compared with 0.8% in 2001. Production of crude oil is set to increase 2.5% in 2002, following a drop of 0.2%. Natural gas output, which accounts for about half the sector's export earnings, should jump by more than 10%.

The Port is strategically located near the main sea-lane between the Far East and Europe and has a technical advantage in terms of facilities to cater for the economic activities of its hinterland. LNG had been the principal contributor to the cargo throughput at Bintulu Port since 1993. The Group handles approximately 15.5 million tons of LNG cargo from MLNG and MLNG Dua plant per annum, representing 60% of the total throughput. With the commencement of operation of LNG Tiga in 2003, the Group is expected to handle an additional 6.8 million tonnes of LNG per annum once it reaches full production. Recently, MLNG Tiga had signed a sale and purchase agreement with a Japanese consortium to supply up to 1.6 million tonnes of liquefied natural gas per annum for a period of twenty (20) years beginning April 2004.

In the global shipping scene, there is currently a distinct shift in shipping pattern and logistic arrangement towards containerisation. The regular calling of Main Line Operator (MLO) and associated feeder services will contribute towards the substantial growth of containers handle at the port. The Group is also taking effort to fully capitalise its newly established Bintulu International Container Terminal (BICT) as a transshipment hub for BIMP-EAGA.



With the Group's strong business fundamentals, we are confident that the Group will be able to provide its shareholders with a reasonable return on their investment.

Acknowledgement

Bintulu Port Holdings Berhad's successful listing on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange as well as its sound performance will not be possible without the continued support of our valued customers, business partners, associates, bankers and the relevant government authorities. We sincerely thank them all and look forward to their continued trust and support in us again.

I would like to extend my gratitude to my fellow Directors for both the Bintulu Port Holdings Berhad as well as the subsidiary company, Bintulu Port Sendirian Berhad, management team and staff for their dedication and commitment. Our excellent achievements are a result of the concerted effort and contribution of the entire team.

On behalf of the Board of Directors, I would also like to thank our shareholders for your continued support and confidence in us.

Thank you.

YBhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali

Chairman, Bintulu Port Holdings Berhad

STATUS OF UTILISATION OF PROCEEDS

Utilisation	Completion stage	Utilised RM'000	Balance of the utilisation RM'000	Estimated completion date
Construction of warehousing facilities				
Bulk fertiliser warehouse	Designing	-	20,000	March 2003
General warehouse for timber products	Planning	-	10,000	December 2002
Additional equipment/facilities for BICT				
Mobile Harbour Cranes	Tendering	-	16,000	December 2002
2 units Rubber-tyred Gantry Cranes	Planning	-	12,000	December 2003
Container freight station	Planning	-	10,000	December 2003
Container stacking yard	Planning	-	10,000	December 2003
Vessel				
5 units tug boats	Award	7,791	63,209	December 2002

Kenyataan

Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat

Kod Amalan

Jawatankuasa Kewangan mengenai Urustadbir Korporat telah menerbitkan Kod Amalan Malaysia mengenai Urustadbir Korporat pada bulan Mac 2000. Kod ini menetapkan prinsip-prinsip asas dan amalan terbaik berhubung struktur dan proses yang boleh diikuti oleh syarikat-syarikat dalam operasi masing-masing dalam usaha mencapai rangka urustadbir korporat yang terbaik. Kod ini memperakukan bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan memasukkan dalam laporan tahunan kenyataan-kenyataan yang bersesuaian tentang bagaimana mereka melaksanakan prinsip-prinsip yang ditentukan oleh Kod berkenaan. Ia juga memperakukan supaya syarikat-syarikat yang disenaraikan melaporkan sejauhmana mereka telah mematuhi amalan-amalan terbaik yang dijelaskan dalam Kod tersebut. Pindaan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang berkuatkuasa pada 30 Jun 2001 turut mengandungi satu bahagian tentang urustadbir korporat untuk dipatuhi oleh syarikat awam tersenarai.

Langkah-langkah Ke Arah Melaksanakan Kod Amalan

Dengan berkuatkuasanya Pindaan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur, Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) telah menjajarkan laporan tahunannya ke arah melaksanakan kandungan Syarat-syarat Penyenaraian tersebut. Untuk mencapai objektif itu, Kumpulan ini telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada bulan Disember 2000, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Penamaan pada 25 November 2001.

I. Lembaga Pengarah

i. Komposisi Dan Keseimbangan Lembaga

Lembaga Pengarah terdiri daripada enam (6) orang Pengarah dan seorang dari mereka menjadi Pengarah Urusan, tiga (3) orang Pengarah bukan bebas dan bukan eksekutif, dan selebihnya merupakan Pengarah bebas dan bukan eksekutif (termasuk Pengerusi). Semenjak berkuatkuasanya Kod Amalan, Lembaga telah mengambil tindakan untuk mematuhi semua syarat, termasuk komposisi Lembaga Pengarah yang satu pertiganya terdiri dari Pengarah bebas serta membuat kenyataan, melaksanakan dan mengesahkan kesediaan mematuhi syarat-syarat penyenaraian tersebut.

Pengarah-pengarah sentiasa terdedah kepada maklumat terbaru tentang peranan mereka dan harapan terhadapnya. Mereka menjalani program latihan secara berterusan seperti yang ditetapkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini termasuk Program Akreditasi Mandatori (MAP) dan Program Pendidikan Berterusan (CEP). Selain program yang ditetapkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur, Syarikat juga meninjau program-program relevan lain yang berkaitan seperti seminar, bengkel dan sebagainya untuk para Pengarah supaya dapat melengkapkan dan meningkatkan keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai Pengarah Syarikat. Dengan semua usaha itu, para Pengarah mempunyai pengalaman kewangan dan perniagaan yang luas dan relevan dengan peranan mereka sebagai pengarah dan dapat memimpin serta menentukan arah tuju syarikat.

Untuk memastikan wujudnya keseimbangan, Syarikat telah memisahkan tanggungjawab Pengerusi dengan Pengarah Urusan dari segi kuasa dan autoriti. Selain itu, terdapat penglibatan secara aktif dan tidak terhad oleh Pengarah bebas serta Pengarah eksekutif dan bukan eksekutif dalam membuat pertimbangan dan keputusan Lembaga. Semua Pengarah dapat memperoleh maklumat tentang hal-hal yang dikemukakan kepada mereka, berpeluang meminta penjelasan lanjut dan data, mendapatkan nasihat pihak luar tentang hal-hal yang berkaitan dan boleh meminta pihak pengurusan memberikan segala maklumat mengenai perkara-perkara yang akan diputuskan oleh mereka.

Kebanyakan Pengarah yang dilantik mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam pelbagai bidang dan berupaya membuat pertimbangan tersendiri tentang hal-hal yang berkaitan dengan strategi, prestasi, sumber, piawai tatalaku dan urusan lain. Maklumat lanjut mengenai Profil Pengarah-Pengarah adalah seperti di muka surat 13 hingga 15 Laporan Tahunan ini.

ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak sebelas (11) kali pada tahun 2001. Sepanjang tempoh penyenaraian syarikat ini di Bursa Saham Kuala Lumpur (dari bulan April 2001 hingga 31 Disember 2001), Lembaga telah mengadakan lima (5) mesyuarat dan dua (2) daripadanya diadakan secara edaran.

Kehadiran Pengarah-Pengarah dalam mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Pengarah	Tarikh dilantik/ meletak jawatan	Jumlah Mesyuarat Yang dihadiri	Jumlah Mesyuarat Lembaga
1.	Datuk Mohamed Adnan bin Ali	Dilantik pada 28/11/2000	7	7
2.	Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam	Dilantik pada 01/07/2000	4	7
3.	Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran	Dilantik pada 01/12/2000	6	7
4.	Abdul Rahim bin Mokti	Dilantik pada 16/12/1998	6	7
5.	Subkey bin Abdul Wahab	Dilantik pada 20/08/2001	2	2
6.	Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin	Dilantik pada 26/11/2001	-	-
7.	Onn bin Kayat	Meletak jawatan pada 29/06/2001	5	5

iii. Persaraan Dan Perlantikan Semula Lembaga Pengarah

Perlantikan Pengarah diadakan setiap tahun dengan satu pertiga (1/3) dari para Pengarah yang tertakluk kepada persaraan secara bergilir-gilir akan bersara dari jawatan mereka dalam setiap Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 7.28 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur. Persaraan dan perlantikan semula Pengarah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan Keenam (ke-6), seorang pengarah akan bersara menurut Artikel 127 Tataurusan Syarikat dan layak untuk perlantikan semula. Pengarah yang baru dilantik juga akan bersara di bawah Artikel 132 Tataurusan Syarikat dan layak untuk perlantikan semula.

iv. Saluran Memperoleh Maklumat

Semua Pengarah dapat memperolehi nasihat dan perkhidmatan dari Setiausaha Syarikat. Di samping itu, semua Pengarah dibekalkan dengan laporan serta maklumat yang berkaitan sebelum sesuatu mesyuarat diadakan untuk memberi mereka masa secukupnya untuk mendapatkan penjelasan yang perlu sebelum mesyuarat dijalankan.

II. Ganjaran Pengarah

Syarikat ini membayar balik kos perbelanjaan yang munasabah kepada Pengarah sewaktu menjalankan tugas rasmi Syarikat. Para Pengarah tidak terlibat dalam hal menentukan pakej ganjaran masing-masing. Ganjaran Pengarah ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran sebelum diterima oleh para ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

Struktur yuran untuk Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan dalam Mesyuarat Agung berdasarkan perakuan yang dibuat oleh semua ahli Lembaga. Dalam menentukan perakuannya, Lembaga juga membuat perbandingan amalan biasa industri yang melibatkan organisasi yang hampir sama.

Perincian mengenai ganjaran setiap Pengarah pada tahun 2001 adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama	Gaji (RM)	Elaun (RM)	Yuran (RM)	Jumlah (RM)
1.	Capt.Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (Pengarah Urusan)	-	65,000.00	18,000.00	83,000.00
	Bukan Eksekutif				
1.	Datuk Mohamed Adnan bin Ali (Pengerusi)	-	-	49,714.00	49,714.00
2.	Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam	-	-	38,786.00	38,786.00
3.	Encik Abdul Rahim bin Mokti	-	-	18,000.00	18,000.00
4.	Encik Onn bin Kayat (Sehingga 29 Jun 2001)	-	-	8,950.00	8,950.00
5.	Encik Subkey bin Abdul Wahab (mulai 20 Ogos 2001)	-	-	6,581.00	6,581.00
6.	Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj.Yassin (mulai 26 November 2001)	-	-	1,750.00	1,750.00
	Jumlah :	-	65,000.00	141,781.00	206,781.00

Bilangan pengarah yang ganjarannya termasuk dalam lingkungan berikut :-

Julat Ganjaran	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Kurang daripada RM50,000.00	-	5
RM50,001.00 hingga RM100,000.00	1	-
RM100,001.00 hingga RM150,000.00	-	-

III. Mesyuarat Agung Tahunan

Notis Mesyuarat Agung Tahunan berserta dengan Laporan Tahunan diedarkan kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat diadakan. Selain agenda biasa untuk Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga juga membentangkan perkembangan dan prestasi perniagaan yang terkandung dalam Laporan Tahunan dan memberi peluang kepada para pemegang saham untuk mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan. Para Pengarah hadir untuk menjawab pertanyaan daripada para pemegang saham dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Untuk melantik semula Pengarah, Lembaga memastikan semua maklumat telah diberitahu melalui notis mesyuarat berkaitan dengan Pengarah yang akan bersara atau yang ingin berkhidmat kepada Syarikat jika dilantik semula.

Mana-mana perkara tentang urusan khas juga akan dinyatakan dalam notis Mesyuarat Agung Tahunan berserta dengan kenyataan berketerangan untuk memudahkan pemahaman dan penilaian terhadap hal-hal yang berkaitan.

IV. Hubungan Dengan Pemegang Saham

Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah menjalin hubungan yang baik dengan pemegang saham, terutamanya pemegang-pemegang saham utama termasuk Kementerian Kewangan (MoF), Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Negeri Sarawak (Setiausaha Kewangan Negeri). Pemegang-pemegang Saham Utama mempunyai wakil yang memegang jawatan sebagai Pengarah dalam Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad kecuali Setiausaha Kewangan Negeri yang belum melantik wakilnya.

V. Kebertanggungjawaban Dan Audit

i. Laporan Kewangan

Dalam konteks kebertanggungjawaban, para Pengarah bertanggungjawab memberi penilaian yang wajar terhadap kedudukan dan prospek Kumpulan melalui laporan kewangan suku tahun kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan Laporan Tahunan kepada para Pemegang Saham. Untuk memastikan maklumatnya tepat dan lengkap, Kumpulan ini mendapat bantuan dari Jawatankuasa Audit yang akan meneliti maklumat tersebut sebelum diumumkan. Kenyataan Pengarah menurut Seksyen 169 Akta Syarikat 1965 dijelaskan pada muka surat 39 Laporan Tahunan ini.

ii. Kawalan Dalaman

Dari segi kawalan dalaman, para Pengarah sedar dan mengakui tanggungjawab mereka dalam mewujudkan kawalan dalaman Kumpulan yang bukan sahaja meliputi aspek kewangan tetapi juga operasinya, pengurusan risiko dan kawalan pematuan. Kakitangan pengurusan utama diamanahkan tanggungjawab untuk memantau, mengurus dan menyediakan laporan kepada Lembaga tentang pematuan prosedur, keberkesanan kewangan dan aktiviti perniagaan Kumpulan. Penganugerahan sijil ISO9002 kepada syarikat subsidiari menunjukkan bahawa Kumpulan mempunyai prosedur piawaian dalaman yang didokumentasikan dengan jelas sebagai satu bentuk kawalan.

iii. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit Lembaga terdiri daripada dua (2) orang Pengarah bukan eksekutif dan seorang (1) Pengarah bebas dan bukan eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Audit ialah Datuk Mohamed Adnan bin Ali yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak empat (4) kali pada tahun 2001 dan kebanyakan ahlinya menghadiri mesyuarat. Bagi mendapat maklumat lanjut, sila rujuk muka surat 16 Laporan Tahunan ini.

iv. Hubungan Dengan Juruaudit

Tanggungjawab Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar adalah dibentangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada muka surat 16. Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad sentiasa mengekalkan hubungan yang rapat dan telus dengan juruauditnya dalam mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuan kepada piawaian perakaunan di Malaysia.

VI. Yuran Bukan Audit

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah membuat pembayaran Yuran Bukan Audit sebanyak RM400,800.00 kepada juruaudit luar berhubung perkara berikut :

Perkhidmatan	Amaun (RM)
Urusan Pencukaian Syarikat	30,800.00
Audit Khas	20,000.00
Perbelanjaan Penyenaraian sebagai Reporting Accountant	350,000.00


VII. Kontrak Penting

Tiada kontrak penting yang dibuat oleh Syarikat dan anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama yang belum dilaksanakan pada penghujung tahun kewangan.

VIII. Pengenaan Hukuman/Penalti Terhadap Syarikat Dan Anak Syarikat Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2001

Tiada sebarang hukuman dikenakan terhadap Syarikat, anak syarikat, para Pengarah dan Pengurusan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2001.

Kenyataan ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2002.



Datuk Mohamed Adnan bin Ali

Pengerusi



Capt. Awangku Abdul Malit
@ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran
Pengarah Urusan

Statement

In Reference To Corporate Governance

The Code

The Finance Committee on Corporate Governance issued the Malaysian Code on Corporate Governance in March 2000. The Code sets out basic principles and best practices on structures and processes that companies may follow in their operations towards achieving the optimal governance framework. The Code recommends that public listed companies include in their annual report appropriate statements on how they have applied the principles as set out in the Code to their particular circumstances and to report the extent to which they have complied with the best practices described within the Code. The revamped KLSE Listing Requirements, which had come into force on 30 June 2001, also includes a section on corporate governance for compliance by public listed companies.

Steps Taken Towards Adopting The Code

With the enforcement of the revamped KLSE Listing Requirements, Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) has to align its annual report towards adopting the content of the said Listing Requirements. For this purpose, the Group has set up an Audit Committee in December 2000, Remuneration Committee and Nominating Committee respectively on 25 November 2001.

I. Directors

i. Composition And Balance Of The Board

The Board of Directors comprises six (6) Directors of which one (1) is a Managing Director, three (3) non-independent and non-executive Directors and the balance, independent non-executive Directors (including the Chairman). Since the coming into force of the Code, the Board has taken action to comply with all the requirements including the composition of the Board of Directors to make up of one third of independent Directors and giving declaration, undertaking and confirmation to comply with the listing requirements.

The Directors are also continuously being exposed to the latest information on their role and expectations and to undergo the training programme on a continuing basis that has been prescribed by Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE). This includes the Mandatory Accreditation Programme (MAP) and Continuing Education Programme (CEP). Besides programme prescribed by KLSE, the Company is also looking into other available and relevant programme such as seminars, workshop and others for the Directors in order to equip and enhance them to effectively discharge their duties as the Company Directors. With all these, the Directors would bring a wide range of business and financial experience that are relevant to their role as directors in providing leadership and direction to the company.

In ensuring the balance, there is a separation of responsibility between the Chairman and the Managing Director as regards to the power and authority. Also, there is an active and unrestricted participation of independent Directors as well as executive and non-executive Directors in the deliberations and decision making of the Board. All Directors had full access to information pertaining to matters placed before them, have the opportunity to call for additional clarification and data, seeking external advice on matters and entitled to call for full disclosure by the management on matters that are placed before them for decisions.

